

## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

Pemegang Polisi yang Dihargai,

Sepanjang tempoh yang dilaporkan dari 1 April 2007 hingga 31 Mac 2008, Uni.Asia Life telah melalui satu fasa yang menarik tetapi mencabar dalam usahanya meneruskan trend pertumbuhan yang dicatatkan oleh Dana Berkaitan Pelaburan pada tahun-tahun sebelumnya.

Sebagai sebuah Syarikat yang dikenali kerana inisiatif berdaya majunya, kami telah meneroka pelbagai peluang baru dan berasaskan maklum balas dan kefahaman tentang keperluan pasaran, kami telah melancarkan empat dana baru dalam tempoh dilaporkan. Dana tersebut ialah Dana Capital Guaranteed Structured II pada 27 April 2007, Dana Uni Capital Guaranteed IV pada 8 Jun 2007, Uni Gold and General pada 6 September 2007 dan Dana UniAsia Pacific Infrastructure pada 15 November 2007.

Ketidaktentuan pasaran saham terutamanya menjelang akhir tempoh yang dilaporkan telah sedikit sebanyak menjejaskan prestasi beberapa dana Berkaitan Pelaburan Syarikat. Ini adalah sejajar dengan suasana pelaburan antarabangsa yang kurang memberangsangkan kerana kesan kemelesetan pasaran Amerika Syarikat yang timbul akibat isu pinjaman berkualiti rendah.

Meninjau ke hadapan, walaupun dengan keadaan ekonomi global yang tidak menentu, Malaysia mempunyai peluang yang cerah untuk mengatasi segala kegawatan kerana mempunyai ekonomi terpelbagai termasuk sumbangan hasil yang besar daripada sumber komoditi dan minyak. Selain itu, pengurusan fiskal yang bijak akan membolehkan pertumbuhan mampan dicapai meskipun pada kadar lebih rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya. Fakta ini juga disokong oleh hakikat bahawa para penganalisis pada amnya mempunyai pandangan positif terhadap Asia kerana mereka berpendapat ekonomi Asia lebih mantap berbanding sedekad lalu disebabkan asas ekonomi yang lebih baik.

Analisis ini menunjukkan bahawa terdapat peluang untuk dimanfaatkan oleh pelabur seperti anda menerusi pelbagai dana berkaitan pelaburan kami, yang bukan sahaja dilaburkan di dalam negara. Malah, anda juga berpeluang meraih pulangan menarik daripada pelaburan di peringkat antarabangsa.



Usaha kami mempelopori pembangunan produk tetap menjadi tunggak kekuatan kami. Pada 1 April 2008, kami melancarkan satu lagi Produk Berkaitan Pelaburan, My Companion, yang dipasarkan khusus untuk memenuhi keperluan kewangan dan perlindungan anda semasa waktu persaraan. Selain manfaat Kematian dan Hilang Keupayaan Menyeluruh dan Kekal (TPD), My Companion menyediakan manfaat Persaraan, manfaat Pendapatan Waris, manfaat Pemeriksaan Perubatan Asas dan manfaat Pendapatan Selepas Bersara.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada anda kerana memilih Uni.Asia Life sebagai penyedia keperluan insuran hayat anda. Kepercayaan anda terhadap kami memberikan dorongan kepada Syarikat untuk terus mencari cara baru untuk menyediakan penyelesaian kewangan yang bukan sahaja memenuhi keperluan anda pada hari ini, tetapi juga impian anda pada masa depan.

Yang benar,

**Ooi Say Teng**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**